


Ruj Kami : IPN/1/02/81 Jld. 11 ()
Tarikh : 6 April 2016

Tuan/Puan,

**IKLAN JAWATAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN BAGI JAWATAN
PENOLONG JURUTERA (AWAM) GRED JA29 DI JABATAN AKAUNTAN
NEGARA MALAYSIA**

Permohonan-permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

1. (a) **JAWATAN** : Penolong Jurutera (Awam) Gred JA29
- (b) **TARAF JAWATAN** : Pekerja Sambilan Harian
- (c) **AGENSI** : Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- (d) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Pelaksana
- (e) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : Perkhidmatan Kejuruteraan
- (f) **TEMPAT KEKOSONGAN** : Institut Perakaunan Negara
2. **KADAR UPAH PEKERJA SAMBILAN HARIAN** : RM 72.00 sehari
3. **SYARAT LANTIKAN:** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia ;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;



- (c) (i) Diploma dalam bidang Kejuruteraan (Awam) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (ii) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (d) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.

4. **CARA MEMOHON :**

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan borang khas JANM(K)1/2008 yang boleh diperolehi di Institut Perakaunan Negara.
- (b) Isi borang JANM(K)1/2008 dengan lengkap setelah meneliti panduan dalam borang berkenaan. Permohonan yang menggunakan borang selain dari JANM(K)1/2008 akan ditolak.
- (c) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil persekolahan, salinan Surat Beranak dan lain-lain dokumen berkaitan, yang telah disahkan.
- (d) Permohonan berikut **AKAN DITOLAK** :
 - (i) tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan;
 - (ii) tidak lengkap atau tidak terang;
 - (iii) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - (iv) tidak ditulis nombor kad pengenalan;
 - (v) tidak diturunkan tanda tangan.


5. **ALAMAT PERMOHONAN :** Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut :
- Pengarah
Institut Perakaunan Negara
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Jalan 2, Sungai Lang
45100 Sabak Bernam
Selangor
6. **TARIKH TUTUP :** 15 April 2016
7. **CATATAN AM :**
- (i) Sila bawa dokumen-dokumen asal semasa menghadiri sesi temuduga.
 - (ii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh temuduga diadakan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
 - (iii) Jabatan ini tidak akan menanggung perbelanjaan bagi menghadiri temuduga kelak.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi dan Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan"

Saya yang menurut perintah,



(RAZIFAH BINTI SALAMAN @MOHAMED)

b/p: Pengarah

Institut Perakaunan Negara

Jabatan Akauntan Negara Malaysia